



NOVEL ANTI PLOT

# Meja 17

ctr.no=0000274701  
ART 2015/A05

Arts & literature - masterpiece  
Pg = 23-30

OLEH LIM SWEE TIN

pakah itu "Meja 17"? Meja 17 terletak di dalam sebuah restoran sebagaimana restoran-restoran

secara umumnya memiliki meja dan kerusinya untuk pelanggan. Restoran itu bernama Restoran eSastera. "Meja 17" merupakan meja keempat daripada meja kasir - sebuah meja dengan empat kerusi yang seakan-akan "berpuasa", kerana setiap yang mendudukinya akan berhadapan dengan pelbagai pengalaman aneh atau misteri. Atau boleh sahaja dikatakan begini, bahawa setiap manusia (watak) yang duduk di meja ini sesungguhnya terdiri daripada orang yang aneh dan misteri. Walaupun boleh dikatakan, dengan duduk di meja 17, seseorang akan masuk ke sebuah terowong aneh dan misteri sehingga, bukan semua orang bersedia untuk duduk di meja 17 itu. Bahkan pengarang menyebut, meja ini dihindari pelanggan. Kononnya berhantu, berpenunggu.

Di Restoran eSastera, hidangannya pelbagai. Terutamanya barangkali, teh tarik dan roti canai kerana hidangan ini dapat ditemukan dalam banyak peristiwa dalam novel ini. Kemudian, teh panas, Milo panas, roti kosong, air kosong, dan kopi jantan, manakala makanan yang sering dipesan ialah mi udang, anggur, roti telur, ayam panggang, dan sate. Di sini juga rupanya tempat orang makan sahur. Di sini, orang selalu datang makan, termasuk membaca akhbar. Rupa-rupanya digunakan juga untuk tempahan bagi acara puiis merdeka dan merayakan hari ulang tahun (Seman dalam cerita "Usia"). Ada pelayan yang bertugas di restoran ini. Ada kasir tempat

melunaskan bayaran. Ianya tempat mempertemukan orang dan menjual buku. Restoran eSastera terletak di sisi kota. Di hadapan Restoran eSastera ada jalan, di depannya menempatkan kedai atau toko, antaranya sebuah kedai mamak. Restoran ini diduduki banyak orang, pelbagai latar belakang dan orang biasa, selalunya orang yang bermasalah serta ditimpa musibah, termasuk Perdana Menteri Magan, Presiden Amerika Syarikat yang sangat berkuasa itu. Itulah Meja 17 di Restoran eSastera, sebuah novel yang disesuaikan untuk pembacaan masyarakat Indonesia daripada karya asalnya, *Cinta Berbalas di Meja 17*.

### Meja yang Dihindari

"Meja 17" di Restoran eSastera menjadi meja yang dihindari oleh pelanggan. Konon ia berhantu, berpenunggu. Seluruh isi novel Meja 17 sebetulnya bukan tentang meja ini. Meja 17 digunakan oleh pengarangnya, Irwan Abu Bakar, untuk menautkan cerita atau kisah-kisah. Setiap cerita atau kisah-kisah dalam novel ini tidak berhubung secara langsung atau bertaut antara satu sama lain. Semuanya berbeza sama sekali. Setiap cerita boleh berdiri sendiri. Ambil sahaja cerita dua manusia dalam "Gila" Bab 1, atau "Darah Melayu" Bab 8, mahupun "Usia" Bab 13, adalah cerita yang



berlainan. "Gila" memaparkan tentang dua manusia pelik yang datang dan makan di Restoran eSastera serta duduk di meja 17. Manakala "Darah Melayu" menceritakan tentang kegawatan dunia apabila manusia bertalu-talu ditimpa musibah dan hanya darah Melayu yang mampu menyelamatkan mereka. "Usia" pula tentang penemuan eksperimen sains yang menakjubkan tentang manusia sebenar usia manusia.

Jelas, cerita-cerita ini sama sekali tidak ada pertalian. Namun begitu, watak "Lelaki itu" dan Usin sama-sama datang dan duduk bersarapan di meja 17 dalam "Gila", Akil dalam "Darah Melayu" sedang duduk-duduk sambil minum di meja 17 tatkala memerhat segerombolan manusia Melayu menaiki pelbagai kenderaan yang mengangkut mereka ke pelabuhan dan bandar udara untuk diikahkan dengan pelbagai bangsa di dunia. Sementara, hampir seluruh cerita dalam "Usia" terjadi di makmal dengan Dr. Kadri melakukan pelbagai eksperimennya, dan meja 17 hanya muncul kerana kebetulan Hamsi, juruteknik Dr. Kadri yang dihubungi melalui telefon



bimbitnya sedang menikmati segelas teh tarik dan sekeping roti canai di Restoran eSastera itu, sebetulnya sedang makan sahur. Meja 17 sesungguhnya telah menjadi tali halus atau telah dijadikan tali halus oleh pengarang untuk menghubungkan cerita dan kisah dalam novel ini.

Kononnya, meja ini dihindari oleh pelanggan. Lihat sahaja dalam "Gila", kerana tidak tahan melihat telatah sang "Lelaki itu" yang sering kali memesan dua gelas teh tarik dan dua pinggan roti canai, tetapi memakan satu sahaja, Usin tertawa sampai diseret ke hospital bahagia. Dan benar, ini terjadi di meja 17. Tidak terkecuai untuk empat rakan sangat akrab: Kadri-Hasriah, Lokman-Aidah, serta Dr. Powyang yang merawat Kadri dalam "Asam Manis Madu". Setelah genap enam bulan Kadri menjalani pembedahan jantung dan pulih sepenuhnya, mereka merayakannya di meja 17. Plui dalam "Fun + Usia" juga duduk di meja 17 yang pada saat itu sedang memikirkan hanya mahu mati sebagai jalan keluar daripada masalah hutang yang dihadapinya. Ketika itulah, dia didatangi Kinoi daripada *Dead On* yang akan merealisasikan impian kematiannya. Adakah meja 17 itu sememangnya berpuasa?

Barangkali, bukan seluruhnya. Novel ini juga dilitari keanehan yang menimbulkan kesan lucu. Dalam "Mencari Rezeki", sketsa yang relatif singkat, sekadar sepertiga halaman, Irfan dan Syima yang sedang duduk di meja 17 didatangi seorang ibu tua dan anak lelaki remaja, meminta sedekah. Si ibu meraba-raba, dipapah oleh si remaja. Irfan dan Syima mengenali mereka kerana sudah bertemu pada malam sebelumnya, lalu berkata, "Eh, tapi semalam saudara yang buta dan ibu yang memapah." Dijawab anak remaja itu, "Oh, malam ini kami



tukar shift, bang." Dalam "Usia" juga, Seman merayakan hari ulang tahunnya bersama-sama dengan rakan sekolah berusia tujuh tahun tatkala sudah berusia 28 tahun kerana baru merayakan ulang tahun kali ketujuh juga, disebabkan lahir pada 29 Februari. Irfan dan Syima muncul lagi dalam "Pemikiran Recersal" sebagai pelanggan Restoran eSastera yang duduk di meja 17, kali ini, didatangi banyak peminta sedekah sehingga habis semua wang mereka.

Keseluruhannya, meja 17 mempunyai pelbagai tugas dan peranan. Meja ini menautkan cerita dan kisah serta merangkaikannya menjadi novel Meja 17. Di meja ini, sering kali terjadi peristiwa yang aneh-aneh atau misteri sehingga kononnya berhantu dan berpenunggu sehingga dihindari. Namun begitu, pada waktu lain, pembaca akan tertawa menyaksikan sikap manusia di meja 17, lalu membantu mengurangi kebimbangan akan kepuakannya. Meja 17 tetaplah meja di sebuah restoran yang secara lumrahnya ada di mana-mana, namun di Restoran eSastera pastinya menjadi sedikit istimewa.

### Aneh dan Misteri

"Dia" (seorang lelaki atau "Lelaki itu") dalam "Gila" barangkali dapat dikatakan aneh atau misteri. Perbuatannya dua memakan hanya satu daripada dua pesanan hidangan senantiasa diperhatikan oleh Usin. Untuk mengetahui rahsia ini setelah diperhatikan sekian lama, Usin

melakukan hal yang sama, iaitu memesan dua set juga. Kedua-dua orang itu yang bertemu di meja 17 tidak bercakap, walaupun Usin telah siap dengan empat soalan yang mahu diajukan. Selesai makan, minum teh tarik dan membaca tiga bahagian akhbar, dia berlalu pergi. Tetapi ditinggalkannya nota untuk Usin: "Selamat jalan, saudara. Esok kita tidak akan berjumpa lagi. Esok saudara tidak akan ke mari lagi. Kedai ini terlalu kecil untuk menampung kehadiran dua orang gila" (hlm.4). Benar perkara yang dikatakan, Usin dibawa ke hospital bahagia!

Dalam cerita "Anggur", pembaca ternanti-nanti adakah Leman (ayah Irma) juga akan gila di meja 17? Rupa-rupanya tidak. Manusia aneh dalam cerita ini ialah Amri, yang sangat kaya dengan memiliki wang sebanyak RM180 juta. Dia penganggur tetapi mengaku bekerja bebas. Dia mencintai Irma, namun tidak disenangi ayahnya kerana malu disoal jika menantunya tidak bekerja tetap. Leman mencari Amri. Mereka bertemu di Restoran eSastera. Amri bercerita bahawa dia mahu mengahwini Irma walaupun dia tidak bekerja, tetapi wangnya tidak akan habis-habis. Dalam "Adat", Amri (watak yang berlainan daripada Amri dalam "Anggur") dan Amri juga bersikap selalu memesan makanan untuk orang lain. Kedua-duanya manusia aneh.

Bagaimanakah Amni tahu tentang cerita penyu dan monyet yang muncul dalam fikiran Amri? Adak yang dipegang juga pelik, iaitu adat suku kaumnya membawa pulang jantung seorang pemuda daripada suku kaum yang lain. Amri sudah terperangkap oleh Amni. Kebodohan Amni walau bagaimanapun mudah ditelaah oleh Amri. Kali ini dia pula terperangkap dengan Amri yang memberitahunya bahawa sudah menjadi adat suku kaumnya, menjelang pernikahannya dengan gadis pilihannya, membawa pulang kepala seorang pemuda suku kaum lain. Amni menjadi panik, lalu memberikan alasan bahawa sudah menjadi adat suku kaumnya bahawa mereka akan meninggalkan kepala di rumah apabila mereka keluar!

Watak Suamee yang keluar membeli akhbar dalam "Adalah Dia" setelah pulang semula ke Restoran eSastera di meja 17, mendapati ada lelaki lain di tempat duduknya tadi, di hadapan Istree, iaitu isterinya. Namun, tatkala sedang marah, lelaki yang duduk itu ialah dirinya sendiri (hlm. 21). Malahan, ketika bertanya, "Mau koran?", Istree bahkan berkata-kata kepada Suamee di hadapannya. Hal ini membuatkan Suamee panik dan bertiara keluar dari restoran. Bagaimanakah Suamee boleh berada di kerusi itu? Namun, halusinasi boleh saja terjadi dalam keadaan atau sesuatu situasi yang tidak terduga, kemungkinannya si suami yang keluar membeli akhbar itu khuatir isterinya didekati oleh pelanggan lelaki yang lain.

Novel *Meja 17* juga menggunakan nama aneh, seperti Or (Ba), Ang (Bi), Plui, Klinoi, Blekia, Pseuk, Ksiah, Ktai, Kstoi, Ktoik, Mtoi, Lmtai, Smtui, Pkoi, Cntai, Tuan Putri Marinaramasturina (Putri Mary), Putra Joharatnafsiriinalmukhalis (Putra Joe), dan Sultan Mukhlisaidanialmiat. Novel ini juga menggunakan 39 watak,

antaranya "Dia" (pemuda misteri - tidak terlihat oleh pelanggan lain termasuk pelayan restoran), Usin, Amri (dalam "Anggur"), Amri (dalam "Adat"), Irma, Leman, Amni, Suamee, Istree, Perdana Menteri Magan, Kadri, Hasriah, Lokman, Aidah, Dr. Pow, Irfan, Syima, Maliki, Dr. Wilkinson, Dr. Pogadaev, Akil, Tukang Pateri Diraja, Sintua Wazir Adat Negeri, Bomoh Diraja Renta, Kadi Diraja, Dr. Kadri, Hamsi, Suam, Ister, Dr. Tabi, Alim, dan Or (Ba). Setiap watak membawa latar diri, rencana hidup, menghadapi konflik dan kadangkala musibah, serta memikul takdirnya yang tersendiri.

#### Unsur Kejutan

Daripada 18 cerita dalam *Meja 17*, barangkali beberapa daripadanya sangat elok diperkatakan. "Menyamak Babi" merupakan satu daripadanya. Kisah ini tentang dua sahabat baik yang senasib, Or dan Ang (apabila dicantumkan, menjadi "orang"). Orang ialah alias manusia. Namun begitu, sebaik mereka melangkah masuk ke rumah, Or menjadi Ba, manakala Ang menjadi Bi.

Amat luar biasa dan sukar diterima akal akan kehidupan makhluk semacam ini. Or seorang penulis. Dia popular. Kononnya, seorang pakar politik yang disegani. Bersama-sama dengan Ang, mereka menjadi rakan akrab yang saling memerlukan. Or menulis tentang wacana terkini, terutamanya politik. Ang yang membekalinya dengan bahan penting untuk ditulis. Or juga mengkaji pemikiran politik Ang. Ang pula seorang tokoh politik setempat yang sentiasa mencari publisiti dan perhatian rakyat umum. Maka, perhubungan Or dengan Ang dalam konteks saling menguntungkan. Di dalam rumah, tatkala kedua-duanya menjelma sebagai perbezaan, menyondol muncung lembik mereka pada apa-apa sahaja yang ada,

selahapnya. Kebanyakannya merupakan timbunan makanan yang dibekali oleh ahli peniaga.

Konflik pun terjadi, bak perumpamaan "Langit tidak selamanya cerah" terhadap perhubungan Or dan Ang. Semuanya bermula di meja 17. Or menulis sesuatu di meja itu dan pada pandangan Ang amat negatif. Ang ingin menghalau penduduk setinggar di Gang Serabut untuk pembangunan pusat membeli-belah. Or berpihak kepada masyarakat setinggar itu, sedangkan Ang perlu melakukannya untuk memperoleh upah ratusan juta ringgit. Or membantai Ang kerana dia menganiaya rakyat miskin dan tidak mahu bersekongkol dengan Ang lagi. Namun begitu, di dalam rumah, di dalam kubang, mereka masih bersama. Sungguhpun begitu, tanda-tanda korfil tetap ketara dalam dialog yang berikut

"Ba," kata Bi ketika mereka sudah masuk ke dalam kubangan, menyondol timbunan makanan yang ditumpuk oleh para pebisnis. "Aku takut kepadamu. Kini kita sudah berbeza."  
"Ah, kita masih sahabat seperti biasa, Bi." Tegas Ba. "Perdebatan tadi hanya perbezaan pandangan. Aku masih aku yang dulu dan kamu masih sama. Secara peribadi, kita masih sahabat yang sama."


(Irwani, 2015: 9)

Keadaan menjadi semakin gawat. Ketika awal-awal mereka berdebat di meja 17, keadaan masih terkawal, tetapi sekarang di meja 17, meja 17 hampir hancur digoncang oleh Or. Percikan teh tarik menghambur keluar daripada gelas dan roti canai terlempar ke udara. Tali persahabatan mereka terputus. Ungkapan Ang, "Tapi, apa aku punya pilihan lain? Keadaannya *kill or to be killed!*" sudah cukup untuk menggambarkan iklim persahabatan

mereka. Puncanya, Or sangat jijik dengan perbuatan sahabatnya mengupah orang melenyapkan perempun simpannya dan mayatnya ditemukan terapung di sungai sisi kota. Rupa-rupanya perempuan simpanan itu ialah orang suruhan yang dibayar oleh seteru politik Ang. Keadaan menjadi lebih gawat apabila Or sudah tidak beruban menjadi haiwan lagi tatkala masuk ke dalam rumah, manakala Ang kekal menjadi haiwan walaupun di luar rumah.

"Menyamak Babi" sesungguhnya menuntut penelitian pembaca yang lebih analitis. Sebagai karya sastera, sisi-sisi hitam manusia itu tetap ada. Sisi hitam dalam diri Or dan Ang hanya sebahagian, setakat di dalam rumah sahaja. Sementara di luar, mereka cenderung melindunginya dengan pelbagai "rupa" yang bersih. Oleh sebab itu, Or menjadi penulis yang juga popular dan Ang seorang tokoh politik yang terhormat. Namun apabila Ang bertindak khianat terhadap orang miskin yang melarat, dia menjelma sebagai khinzir sepenuhnya. Sementara Or yang jelas bersih dan semakin kelihatan kemurnian jiwanya, "dimanusiakan" setiap masa, malah mengusir pula Bi yang sudah tidak lagi dikenalnya. "Menyamak Babi" sebenarnya membersihkan kejahatan dalam diri!

"Wawancara" juga tentang penilaian kejujuran dalam diri manusia. Seorang lelaki bernama Matin datang memohon kerja sebagai pengarah eksekutif atau CEO sebuah perusahaan, iaitu Ria Intelektual. Selainnya, ada empat calon lain. Jika diiktirafkan urutan, dia berada di tempat ketiga untuk ditemu duga. Setiap calon kelihatan cemas kerana menurut Miss Anne yang mewakili pengurusan, sebaik seorang calon ditemui sebagai calon terbaik, calon berikutnya tidak perlu



lagi ditemu duga. Hal ini ditentang oleh Matin sebagai tidak adil untuk memperolehi calon terbaik, namun Miss Anne menjawab, "Perusahaan kami tidak perlu calon terbaik. Kami hanya butuhkan calon yang sesuai." (hlm. 128)

Peristiwa selanjutnya merupakan tahap-tahap pengujian terhadap kejujuran itu, bermula dengan penentuan urutan giliran calon yang dipanggil. Tatkala calon pertama sedang ditemu duga, calon kedua memberikan surat undangan satu jawatan lain kepada Matin, jawatan kosong CEO untuk sebuah syarikat teknologi maklumat. Calon kedua juga memberitahunya bahawa perusahaan Ria Intelektual sudah ada calon, lalu wawancara pagi itu hanyalah suatu formaliti sahaja. Calon kedua lalu memberitahunya bahawa perusahaan Ria Intelektual sudah ada calon, lalu wawancara pagi itu hanyalah suatu formaliti sahaja. Calon kedua lalu memberitahunya bahawa perusahaan Ria Intelektual sudah ada calon, lalu wawancara pagi itu hanyalah suatu formaliti sahaja. Calon kedua lalu memberitahunya bahawa perusahaan Ria Intelektual sudah ada calon, lalu wawancara pagi itu hanyalah suatu formaliti sahaja. Calon kedua lalu memberitahunya bahawa perusahaan Ria Intelektual sudah ada calon, lalu wawancara pagi itu hanyalah suatu formaliti sahaja.

Cabaran Matin hebat. Selesai calon ketiga, yang juga gagal, diumumkan temu duga direhatkan sementara waktu. Namun begitu, kesempatan itu digunakan oleh Matin untuk berbual dengan calon kelima. Muncul wanita pembersih tingkap, meminta minuman dan makanan kepada mereka. Calon

kelima mengherdik. Matin memberinya makanan dan minuman. Namun begitu, pembersih tingkap setelah berterima kasih kepada Matin, memberitahunya bahawa perusahaan itu tidak bagus, terdapat pelbagai skandal, bahkan gajinya pun tidak dibayar. Dalam keadaan hati Matin berbelah bahagi, calon kelima memberitahunya bahawa dia sebenarnya ditugaskan oleh syarikatnya untuk mendapatkan posisi CEO Ria Intelektual untuk satu tujuan jahat, iaitu menjatuhkannya sebaik menjawab posisi itu. Calon itu menawarkan RM1 juta sekiranya Matin menarik diri. Calon itu bahkan mengeluarkan pistol enam peluru dan mengugutnya jika dia tidak menerima tawaran itu. Dan, tatkala Miss Anne muncul memanggil Matin, dia amat terkejut apabila masuk ke dalam bilik temu duga, semua orang di dalamnya bertepuk tangan tanda dia calon yang berjaya. Semua yang ikut menjadi calon bersama-samanya telah pun selesai "menemu duga" selama dua jam. Jelas, kejujuranlah yang menang. Kisah ini tidak sukar diteka pengakhirannya sebaik mula dibaca. Kepintaran pengaranglah yang mengolahnya sehingga kisah ini menjadi menarik dan bererti sekali.

Unsur kejutan telah ditimbulkan dengan baik sebagai wahana yang

berkesan untuk menghubungkan cerita dengan pembaca. Pengarang bersungguh-sungguh dalam membina saspens dalam fikiran melalui unsur ini. Seperti dalam "Asam Manis Madu", tatkala pembaca memikirkan tentang Kadri yang harus mati dan pembaca tertanti-nanti akan saat kematiannya, Lokman pula yang mati. Kejutan menjebak pembaca dalam analisis berfikir. Rakan akrab Kadri - Hasriah, Lokman, dan Aidah pilu apabila Kadri akan menjalani pembedahan jantung lalu meminta supaya isterinya Hasriah menikahi Lokman andai dia meninggal. Aidah berfikir, "Mengapa aku harus merelakan suamiku dirampas oleh si janda muda itu?" (hlm. 35) Namun begitu, tatkala kemalangan terjadi, Lokman yang meninggal dunia enam bulan setelah itu. Hasriah pula yang mengulangi kata-kata yang sama, "Mengapa aku harus merelakan suamiku dirampas oleh si janda muda itu?" (hlm. 38)

Banyak kejutan yang digunakan oleh pengarang sepanjang novel *Meja 17*. Usin dibawa ke hospital bahagia dalam "Gila" saat pembaca terfikir bahawa yang gila ialah pemuda yang pertama itu. Amri memiliki harta RM180 juta dalam "Anggur" saat pembaca memikirkan dia akan diusir oleh Leman, ayah Irma. Dr. Kadri yang melakukan eksperimen "x-umur" menyangka bahawa alat "x-tron" pengukur usianya tidak berfungsi kerana menunjukkan bacaan sifar. Sebetulnya, usianya sudah tamat di situ, lalu Dr. Kadri mati. Dalam "Talak Cinta", Suam menceraikan isterinya dengan talak tiga kerana didiagnosis dengan kanser usus akut. Walhal diagnosis yang dibuat di luar negara menafikannya, namun isterinya pula berkahwin lain untuk bercerai supaya mereka dapat berkahwin lagi. Alim dalam "Deringan Merdeka" ke surau bersama-sama 40 remaja bersolat dan qiamullail, di dalam bilik 31.08 yang rupanya bukan surau. Sesungguhnya,

setiap pengarang mempunyai kaedah dan gayanya yang tersendiri. Dalam hal ini, unsur kejutan ini menunjukkan bahawa *lrwan* mempunyai gaya permainan yang khusus, dengan menjunkirbalikkan fikiran pembaca dengan perubahan cerita dan gerakan dramatikanya. Kesan yang dibinanya terlaksana dengan baik, bahkan berimpak terhadap saspens pembacaan.

### Cerita dalam Cerita

Demikianlah *Meja 17*, dengan pelbagai watak penting dan kurang penting yang mendukungnya, setiapnya saling bertautan antara satu sama lain. Setiapnya secara relatif mempunyai cerita yang sama sekali berbeza, tiada satu pun yang menjadi urutan atau lanjutan kepada cerita yang sebelumnya malah apa-apa cerita pun. Pengarang sengaja mengambil kisah yang berlainan, kecuali mungkin Bab 2 "Anggur" yang terasa sebagai suatu sambungan terhadap Bab 1 "Gila". Maka, adakah ini novel? Pembaharuan apakah yang hendak *lrwan* Abu Bakar kemukakan melalui *Meja 17*? Secara peribadi, penulis melihatnya bukan sebagai sebuah novel. Karya ini merupakan suatu himpunan kisah

"Meja 17" di Restoran eSastera menjadi meja yang dihindari oleh pelanggan. Konon ia berhantu, berpenunggu. Seluruh isi novel *Meja 17*, sebetulnya bukan tentang meja ini.



yang dinamakan cerita pendek, bahkan mempunyai dua sketsa sangat pendek, ceritaitanya terpisah antara satu sama lain, yang kemudian dijolokkan pula dengan slogan "novel antiplot".

Secara mudah, cerita berbingkai bermaksud "Cerita yang di dalamnya tersisip cerita-cerita lain" (Jihaty, Azran, dan Amida, 1982: 76). Ertinya, ada sebuah cerita pokok yang dalamnya disisipkan pula dengan pelbagai cerita untuk tujuan menyampaikan ajaran moral. Di India, karya ini dipanggil sebagai *akhayika*, yang bererti "percakapan yang menyenangkan" (*ibid.*). Antara cerita berbingkai yang pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu ialah *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Bakhtiar, K. Lila dan Damina* atau *Pancatanderan*, *Hikayat Seribu Satu Malam* atau *Alfa Laila wa Laila*, dan *Hikayat Ghulam* atau *Hikayat Raja Ajami Azbakh*.

Dalam *Hikayat Bayan Budiman*, burung bayan menjadi watak terpenting, bertindak menasihati Bibi Zainab yang ingin keluar rumah sepeninggalan suaminya, Khoja Maimun yang pergi berdagang, untuk menemui kekasihnya, seorang putera tampan. Burung bayan bercerita pelbagai cerita sehingga Bibi Zainab asyik. Keasyikan ini mengakibatkan dia terlajak masa lalu membatalkan hajatnya menemui kekasihnya sehinggalah saudagar Khoja Maimun kembali.

Novel *Meja 17* bukan sebuah cerita berbingkai, namun tampak sejajar dengan konsepnya. *Meja 17* menjadi "watak" dalam novel ini, menyerupai kedudukan (bukan tugas atau peranan) sebagaimana burung bayan dalam *Hikayat Bayan Budiman*. Cerita dalam *Meja 17* sama ada bermula di meja 17, berlaku di meja 17, ataupun mempunyai kaitannya dengan meja 17. Setiap ceritanya tidak terlepas daripadanya, iaitu cerita yang diceritakan 17, seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

Judul	Bermula	Berlaku	Mempunyai Kaitan
Gila	/	/	
Anggur	/	/	
Adat	/	/	
Adalah Dia	/	/	
Tuan Presiden	/	/	
Asam Manis Madu	/	/	/
Mencari Rezeki	/	/	
Darah Melayu	/	/	
Kutukan	/	/	/
X-Usia	/	/	
Deringan Merdeka	/	/	
Usia	/	/	
Menyamak Babi	/	/	
Fun + Usia	/	/	
Pemikiran Reversal	/	/	
Padam	/	/	
Wawancara	/	/	

Daripada jadual tersebut, jelas menunjukkan setiap cerita dalam novel *Meja 17* mempunyai kaitan dengan meja tersebut, sama ada "bermula dengan", "berlaku di" dan "mempunyai kaitan" dengan meja 17 (bentuk ini kadangkala hanya disebut sepintas lalu). Dalam hal ini, terlihat bahawa perkaitan *meja 17* dengan keseluruhan isi cerita amat sedikit, seperti Magan yang menyandarkan punggungnya pada kerusi di meja 17 Restoran eSastera dalam permulaan naratif.

Cerita berbingkai mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama merupakan atapun mempunyai kaitannya dengan bingkai cerita, dan bahagian kedua, *meja 17*. Setiap ceritanya tidak terlepas daripadanya, iaitu cerita yang diceritakan 17, seperti yang dipaparkan dalam jadual pertama. Bahagian kedua merupakan

inti daripada cerita bingkai (1982: 108). Cerita berbingkai dikatakan banyak mengisikan didaktik moral. *Meja 17* mempunyai banyak unsur ini, sama ada tampil secara tersurat mahupun secara tersirat:

- 1 Menikmati juadah dengan tertib. Juadah itu rezeki Tuhan. "Lelaki itu" makan sehingga habis hidangannya. ("Gila")
- 2 Membaca sebagai satu amalan yang baik. Setiap pagi watak "Lelaki itu" membaca akhbar hingga tiga bahagian. ("Gila")
- 3 Persoalan jodoh suatu ketentuan Yang Maha Kuasa. Tidak disangka Irma bertemu jodoh dengan Amri. ("Anggur")

4 Waspada dan berhati-hati amat penting dalam hidup. Leman melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul selaku orang tua Irma agar bersuamikan orang yang baik-baik. ("Anggur")

5 Sayang sekali, sikap Leman mencurigai Amri secara keterlaluan mendatangkan malu kepada dirinya sendiri. ("Anggur")

6 Setiap sesuatu harus diperiksa dan diusul dengan teliti. ("Anggur")

7 Terlalu mudah mempercayai seseorang juga harus dielakkan. Amri terlalu mempercayai Amni. Demikian, sebaliknya. ("Adat")

8 Niat dan fikiran yang tidak baik memburukkan situasi dan mengeruhkan persahabatan. Apatah lagi berbentuk kejahatan dan pengkhianatan. ("Adat")

9 Kisah-kisah teladan kadang-kadang penting untuk dijadikan peringatan. Hal ini muncul dalam kisah penyus besar bertemankan seekor monyet. ("Adat")

10 Keterlaluan cemburu dalam hubungan suami isteri mungkin boleh menimbulkan kesan buruk kepada kejernihan hati sendiri. ("Adalah Dia")

11 Berfikir kreatif dan bijaksana penting, bahkan boleh menewaskan kekuatan senjata. ("Tuan Presiden")

12 Namun begitu, menjual atau menggadai maruah negara harus ditentang. ("Tuan Presiden")

13 Bercita-cita besar, jika atas lunas moral yang terpuji, harus didukung. Presiden Magan memiliki sikap ini. ("Tuan Presiden")

14 Kesihatan penting, menjadi tanggungjawab setiap orang menjaganya. ("Asam Manis Madu")

**15** Kesihatan sama pentingnya dengan kasih sayang, khasnya antara suami dengan isteri dalam membina keluarga yang bahagia. ("Asam Manis Madu")

**16** Berserah kepada takdir. ("Asam Manis Madu") ("X-Usia")

**17** Sikap jujurlah penting dalam kehidupan. ("Mencari Rezeki")

("Wawancara")

**18** Manusia perlu bekerja untuk hidup, bukannya melalui muslihat dan penipuan untuk mencari sesuatu nasi. ("Mencari Rezeki")

**19** Berhati-hati dalam setiap perkara harus diutamakan. Irfan peka akan setiap yang berlaku di sekelilingnya, sehingga mengetahui penipuan dua beranak meminta sedekah. ("Mencari Rezeki")

**20** Berfikir rasional. ("Darah Melayu")

**21** Pemerintah hendaklah adil terhadap rakyatnya. ("Kutukan")

**22** Seeloknya menjauhi tukang ramal. ("Kutukan")

**23** Berpegang kepada fitrah. ("X-Usia")

**24** Sikap terburu-buru memusnahkan kehidupan, apatah lagi dalam hubungan rumah tangga yang saling memerlukan persepahaman dan pengorbanan. ("Talak Cinta")

**25** Suami dan isteri harus saling sokong-menyokong antara satu sama lain dalam menyelesaikan suatu kemelut. ("Talak Cinta")

**26** Jauhi perbuatan maksiat. Perbuatan itu ditegah oleh agama. ("Deringan Merdeka")

**27** Keluarga penting dalam pembentukan sahsiah diri. ("Deringan Merdeka")

**28** Kejujuran seharusnya dijadikan landasan dan pegangan hidup. ("Menyamak Babi") ("Wawancara") ("Pikiran Reversal")

**29** Keikhlasan dan ketulusan dalam persahabatan penting. ("Menyamak Babi")

**30** Jangan sesekali berlaku jahat. ("Menyamak Babi")

**31** Pertentangan boleh dikurangkan melalui persepahaman dan berfikir secara saksama. ("Menyamak Babi")

**32** Pembalasan Tuhan itu pasti. ("Menyamak Babi")

**33** Berani kerana benar. ("Menyamak Babi")

**34** Parti politik seharusnya bergerak demi kesejahteraan sosial dan keamanan negara, bukan keuntungan peribadi. ("Menyamak Babi")

**35** Hidup mati ditentukan Tuhan. ("Asam Manis Madu") ("Fun + Usia")

**36** Sedia berkorban demi orang yang disayangi. ("Asam Manis Madu") ("Fun + Usia")

**37** Bermurah hati tidak bertempat mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri. ("Pikiran Reversal")

**38** Curang suatu kesalahan, apatah lagi dalam kehidupan moden yang serba canggih. ("Padam")

**39** Seseorang tidak seharusnya melaksanakan sesuatu tindakan yang menyalahi undang-undang. ("Padam")

**40** Etika, moral, dan integriti perlu dijadikan pegangan dalam kehidupan. ("Wawancara")

Novel antiplot *Meja 17* secara tuntasnya menyajikan 18 sketsa kehidupan yang menarik. Pengarang membuktikan bahawa beliau seorang pencerita yang licik. Dalam akal fikirannya, terhimpun pelbagai kisah, setengahnya aneh dan lebihnya lucu. Ada cerita yang begitu langka, tetapi melupai realiti kebenaran kerana karya ini hasil cipta sastera kreatif. Malah, karya sastera sememangnya sekadar cerminan terhadap realiti. Melaluinya, kita mencerminkan diri dan kehidupan. *Meja 17* juga menghiburkan. Garapan Irwan amat segar dan kita mendapat pembacaan yang santai.

Walaupun ceritanya terpisah-pisah, tetapi bertautan dan disatukan melalui meja 17 di Restoran eSastera. Karya ini berjaya mengikat sikap manusia dan peristiwa yang saling melengkapi antara satu sama lain. Walaupun wataknya pelbagai dan berbeza pada setiap bab, setiap peristiwa menjadi "punca" kepada peristiwa lain. Semua kejadian bersifat sokong-menyokong terhadap kejadian yang lain. Setiap nilai moral membentuk keperibadian yang lain pula. Inilah pertalian. Inilah yang mencipta pertautan. Lebih daripada itu, novel *Meja 17* dibangunkan dengan sarana sastera yang lengkap dan cukup untuk tampil sebagai sebuah karya gaya baru dalam menyantuni pembacaan.

